

D.R. 38/93

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1993 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1993 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1994 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seksyen 2 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 10hb Disember 1992.

2. Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 29A—

Pindaan seksyen 29A. Akta 327.

(a) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

"(8) Bagi maksud-maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (9), istilah "perbelanjaan modal" mempunyai erti yang

diberikan kepadanya di bawah subseksyen (7) seksyen 29 dan hendaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan aset-aset yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

"(9) Walau apa pun subseksyen (8), "perbelanjaan modal" tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan-bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan seseorang pengarah atau orang individu yang menjadi ahli kakitangan pengurusan, pentadbiran atau perkeranian."

Pindaan
seksyen 36.

3. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Amaun pendapatan statutori yang hendak dikurangkan di bawah subseksyen (1) hendaklah amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan dua puluh lima peratus daripada jualan eksport atas jumlah jualan:

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1994 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1993, amaun yang hendak dikurangkan hendaklah jumlah—

- (a) suatu amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan lima puluh

peratus daripada jualan eksport daJam tempoh sebelum 1hb Januari 1993 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas; dan

- (b) suatu amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori kadar yang sama banyak dengan dua puluh lima peratus daripada jualan eksport dalam tempoh selepas 31hb Disember 1992 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas:

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika suatu syarikat itu mengeksport pada atau selepas 1hb Januari 1994 dan tempoh asasnya bagi tahun taksiran 1995 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1994, syarikat itu hendaklah diberi pengurangan pendapatan statutorinya di bawah subseksyen (1) dan amaun yang hendak dikurangkan di bawah subseksyen (2) hendaklah suatu amaun yang ditentukan dengan mengenakan kepada pendapatan statutori suatu kadar yang sama banyak dengan dua puluh lima peratus daripada jualan eksport dalam tempoh sebelum 1hb Januari 1994 atas jumlah jualan bagi seluruh tempoh asas."

4. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 38.

- (a) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) dengan koma bernoktah dan perkataan "dan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
- "(c) suatu syarikat berkenaan dengan eksport yang dibuat pada atau selepas 1hb Januari 1994."

5. Subseksyen 39(2) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 39.

- (a) dengan menggantikan perkataan "lima" dalam perenggan (b) dengan perkataan "tiga"; dan

- (b) dengan menggantikan noktah dalam subperenggan (b)(ii) dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas subperenggan (ii) proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1994 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1993, amaun potongan yang hendak dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah jumlah—

- (A) amaun yang sama banyak dengan lima peratus daripada pendapatan kasar yang ditentukan di bawah perenggan (2)(a) yang diperolehi daripada pengeksporan hasil pertanian atau pengeksporan oleh suatu syarikat perdagangan akan keluaran-keluaran yang dikilang di Malaysia dalam tempoh sebelum 1hb Januari 1993; dan
- (B) amaun yang sama banyak dengan tiga peratus daripada pendapatan kasar yang ditentukan di bawah perenggan (2)(a) yang diperolehi daripada pengeksporan hasil pertanian atau pengeksporan oleh suatu syarikat perdagangan akan keluaran-keluaran yang dikilang di Malaysia dalam tempoh selepas 31hb Disember 1992."

Seksyen
baru 40A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

"Elaun eks-
port tidak
boleh
didapati. 40A. Bab ini tidaklah terpakai bagi suatu syarikat berkenaan dengan eksport yang dibuat pada atau selepas 1hb Januari 1994."

HURAIAN

Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1993 yang dicadangkan ("Akta") bertujuan meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan memasukkan peruntukan-peruntukan baru tertentu dan meminda peruntukan-peruntukan tertentu yang sedia ada.

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi perkara-perkara permulaan dan menyatakan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya berbagai seksyen Akta.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 29A dengan memasukkan subseksyen baru (8) dan (9). Subseksyen baru (8) bertujuan memberi Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, kuasa untuk menentukan, melalui perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*, aset-aset yang baginya modal perbelanjaan boleh dilakukan bagi maksud elaun cukai pelaburan. *Fasal 2(b)* bertujuan memasukkan subseksyen baru (9) yang menegaskan apa yang telah diperuntukkan dalam subseksyen 29(8), iaitu, bahawa "perbelanjaan modal" tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan, loji dan jentera yang diperuntukkan bagi kegunaan pengarah atau orang individu yang menjadi ahli kakitangan pengurusan, pentadbiran atau perkeranian.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 36(2) dengan memperuntukkan bahawa penghitungan pendapatan statutori untuk eksport yang dikurangkan berdasarkan kadar yang sama banyak dengan dua puluh lima peratus daripada jualan eksport atas jumlah jualan. Peruntukan ini juga dibuat bagi penghitungan amaun pendapatan statutori untuk eksport yang hendak dikurangkan jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1994 termasuklah suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1993 dan jika tempoh asas suatu syarikat bagi tahun taksiran 1995 termasuk suatu tempoh sebelum 1hb Januari 1994.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 38 dengan memasukkan perenggan baru (c) yang memperuntukkan mengenai pengurangan pendapatan statutori yang tidak boleh didapati untuk eksport-eksport yang dibuat pada atau selepas 1hb Januari 1994.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 39(2) dengan mengurangkan amaun elaun eksport yang hendak diberi kepada suatu syarikat daripada lima peratus kepada tiga peratus daripada pendapatan kasarnya yang ditentukan di bawah Akta.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 40A yang memperuntukkan bahawa Bab 5 tidak terpakai berkenaan dengan eksport-eksport yang dibuat pada atau selepas 1hb Januari 1994.

RANG UNDANG-UNDANG

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1791.]